

KOSMO 26/06/2018 M/S 04

Jual air 3 sen tidak masuk akal

Oleh RASDAN AHMAD dan AKMAL AZIZ

bekalan itu pada kadar 50 sen setiap 1,000 gelen.

Dalam temu bual dengan Bloomberg Television yang disiarkan semalam, Dr. Mahathir juga menyentuh tentang isu harga air.

“Air adalah antara isu dengan Singapura yang perlu kita selesaikan dan kita akan duduk serta berbilang dengan mereka dengan cara orang beradab,” katanya.

Laporan itu juga membandingkan komen Dr. Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun sebelum ini dari tahun 1981 hingga 2003 ketika beliau tidak berbalah dengan Singapura mengenai masalah air dan tanah.

Pada Mac 2017, Timbalan Perdana Menteri Singapura, Teo Chee Hean, pula dipetik berkata, negara itu harus bersiap sedia menghadapi masalah kekurangan air jika empangannya mula kering dan apabila perjanjian air dengan Malaysia berakhir pada tahun 2061.

Dalam pada itu, pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi PPBM di Petaling Jaya semalam, Mahathir mendakwa, beliau tidak tahu tentang laporan mengenai penglibatan hartawan, Vincent Tan dan T7 Global Berhad dalam projek Landasan Keretaapi Pantai



EMPANGAN Linggiu, Kota Tinggi antara sumber yang menyalurkan air ke Singapura. – Gambar hiasan



PETA menunjukkan sempadan negeri Johor dan Singapura.

Timur (ECRL).

“Saya tidak tahu mengenai ini. Saya tidak boleh memberi komen. Anda harus bertanya kepada Vincent Tan,” katanya

ketika diminta mengulas sama ada kerajaan akan mempertimbangkan semula untuk meneruskan projek ECRL kerana penglibatan Vincent.

INFO Perjanjian air Singapura-Malaysia

Beberapa perjanjian dimeterai antara Malaysia dan Singapura

1. Perjanjian Hak Air 1927

- Ditandatangani antara Sultan Ibrahim dan Pesuruhjaya Majlis Perbandaran Singapura
- Johor memperuntukkan seluas 2,100 ekar (849.8 hektar) tanah di Gunung Pulai sebagai kawasan tadahan dan bekalan air ke Singapura.
- Singapura dikenakan bayaran 30 sen seekar kawasan tadahan namun tidak dinyatakan harga air yang perlu dibayar.
- Johor perlu membayar 25 sen bagi 1,000 gelen air jika ingin mendapatkan bekalan air yang dirawat Singapura

2. Perjanjian Air 1961

- Singapura dikenakan bayaran 3 sen bagi setiap 1,000 gelen air sehingga 2011 selain diberi hak eksklusif mendapatkan air dari Sungai Skudai dan Sungai Tebrau. Singapura dibenarkan menggunakan tanah seluas 120 ekar (48.56 hektar) selama 99 tahun

3. Perjanjian Air 1962

- Kerajaan Johor perlu membekalkan sebanyak 86 juta gelen sehari sehingga 2061 dengan harga sama
- Singapura boleh mengepam air dari Sungai Johor sehingga 250 juta gelen air sehari bagi membolehkan saluran paip dan empangan dibina
- Singapura dibenar menggunakan seluas 341 ekar (137.99 hektar) selama 99 tahun dengan bayaran RM5 seekar

4. Perjanjian Air 1990

- Singapura, Malaysia dan kerajaan negeri Johor memeterai perjanjian baharu membolehkan Singapura membina empangan di Sungai Linggiu (cabang Sungai Johor) bagi memproses sendiri air dan menaikkan kapasiti pengeluaran air mereka.
- Sebagai ganti, Singapura membayar pampasan RM320 juta kepada Malaysia dan kerajaan Johor.

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu membuat perundingan semula mengenai terma perjanjian air yang ditandatangani antara Malaysia dengan Singapura.



Mahathir berkata, pendekatan itu bakal dilakukan beliau ekoran harga semasa jualan air ke republik itu baginya tidak masuk akal.

“Saya fikir adalah tidak masuk akal bagi kita menjual air pada harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen (3,785.41 liter). Mungkin harga itu berpatutan pada tahun 1990-an. Tetapi sekarang apa yang boleh kamu beli dengan 3 sen? Kita sedang kaji kes itu dengan betul dan akan membuat pembentangan,” katanya ketika diwawancara dalam program *Conversation With* bersama Channel News Asia yang disiarkan semalam.

Mengikut perjanjian semasa yang berakhir pada tahun 2061, Malaysia membekalkan Singapura sebanyak 250 juta gelen air mentah setiap hari pada kadar 3 sen setiap 1,000 gelen.

Malaysia kemudian membeli semula sebahagian daripada